

## Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

---

**From:** UUM CORPORATE COMM.  
**Sent:** Monday, October 21, 2019 7:51 AM  
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students  
**Subject:** Terap Kreativiti Jadi Pemimpin Holistik, Berwibawa Dan Kreatif



UUM Corporate Comm.  
Universiti Utara Malaysia

21 OKTOBER 2019 / 22 SAFAR 1441H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

### TERAP KREATIVITI JADI PEMIMPIN HOLISTIK, BERWIBAWA DAN KREATIF



**UUM ONLINE:** Graduan Universiti Utara Malaysia (UUM) disarankan agar serius dalam menerapkan kreativiti di dalam segala usaha yang dijalankan bagi menjadi pemimpin yang holistik, berwibawa dan kreatif.

Pro-Canselor, Duli Yang Teramat Mulia Tengku Sarafudin Badlishah Ibni Sultan Sallehuddin, Raja Muda Kedah Darul Aman bertitah, kesemua program yang dibangunkan oleh UUM beraspirasi untuk menghasilkan seorang pemimpin yang memiliki ciri-ciri tersebut.

Titahnya, program kesarjanaan yang ditawarkan oleh universiti ini adalah bertujuan untuk melahirkan graduan yang merupakan '*scholars and practitioners*'.

"Tidak dapat dinafikan bahawa seorang pekerja yang mempunyai ciri-ciri tersebut akan dapat melahirkan '*output*' yang kreatif dan boleh memberi impak sehingga di peringkat global.

"Untuk memastikan objektif murni ini tercapai, graduan perlu serius dalam menerapkan kreativiti dalam segala apa yang diusahakan dan saya sarankan agar elemen kreatif ini dibangunkan dan diamalkan pada skala yang lebih menyeluruh dan agresif agar negara kita dapat menandingi negara-negara maju yang lain.

"Sumber tenaga kerja kini perlu mampu menangani cabaran Revolusi Industri 4.0 dan pada masa yang sama bersedia untuk menghadapi cabaran Revolusi Industri 5.0 yang semakin menghampiri," titahnya pada sesi kedua Majlis Konvokesyen Ke-32 UUM di Dewan Mu'adzam Shah, semalam.

Pro-Canselor bertitah, selain elemen kreativiti, program di UUM juga menekankan pembangunan insan yang mempunyai keyakinan diri yang tinggi.

Titahnya lagi, keyakinan terhadap diri sendiri bererti mengetahui potensi yang boleh membawa diri ke mercu kejayaan dan keyakinan diri adalah asas untuk pembangunan seorang pemimpin.

"Ini adalah kerana seorang pemimpin perlu yakin dan berani untuk membuat keputusan kerana seorang pemimpin yang berkeyakinan tinggi akan juga berani mengambil risiko dan mampu menghasilkan inovasi yang belum difikirkan oleh orang lain.

"Dalam persekitaran alam pekerjaan yang semakin kompetitif kini juga, graduan harus berani menyahut cabaran dan bersemangat untuk menerokai bidang-bidang baharu yang mencabar, justeru graduan harus sentiasa percaya pada potensi diri dan sentiasa mempersiapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang semakin berkembang agar tidak gentar dengan cabaran dan sekali gus dapat mengharunginya dengan tenang dan berani," titahnya.

Titahnya, dengan kemudahan teknologi dan kemajuan negara kini, graduan disarankan agar menjadikan pembelajaran sepanjang hayat sebagai satu budaya dan yakinlah bahawa graduan telah melalui program pengajian yang terbaik.

"Ilmu yang telah perolehi ini perlu dimanfaatkan dengan sebaiknya untuk mengubah mutu kehidupan masyarakat dan mengukuhkan nilai keharmonian masyarakat pelbagai kaum dan agama yang sedia ada demi kesejahteraan diri, keluarga dan masyarakat," titahnya.

Pada majlis itu, Tuanku Pro-Canselor telah menyampaikan ijazah kepada 600 graduan, malah turut merakamkan gambar kenangan bersama graduan dan juga penerima anugerah.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.